

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

ATW 261 - Prinsip Kewangan

Masa: 3 jam

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan.

Soalan 1

(a) Untuk tahun lepas, Syarikat Cahaya memperolehi margin keuntungan operasi sebanyak 10 peratus berdasarkan jualan sebanyak RM10 juta and jumlah asset sebanyak RM5 juta.

- (i) Apakah jumlah nisbah pusing ganti asset bagi Syarikat Cahaya?
- (ii) Bagi tahun yang akan datang, presiden Syarikat Cahaya telah menetapkan sasaran untuk nisbah pusing ganti jumlah asset sebanyak 3.5. Berapa banyakkah jumlah jualan yang harus dicapai oleh Syarikat Cahaya untuk mencapai matlamat ini? (berikan jumlah jualan dalam peratusan dan Ringgit).
- (iii) Berapakah pulangan pendapatan operasi ke atas pelaburan bagi tahun lepas? Dengan mengandaikan bahawa margin keuntungan operasi adalah sama, ramalkan berapakah pulangan pendapatan operasi ke atas pelaburan untuk tahun hadapan jika sasaran nisbah pusing ganti jumlah asset ialah sebanyak 3.5 dapat dicapai.

[10 markah]

(b) Bon Tarik Corporation membayar faedah tahunan sebanyak RM110, dengan RM1,000 nilai par. Bon ini akan matang dalam tempoh 20 tahun dan kadar pulangan perlu ialah 9 peratus.

- (i) Kirakan nilai bon tersebut.
- (ii) Bagimanakah nilai bon ini akan berubah jika kadar pulangan perlu meningkat kepada 12 peratus atau menurun kepada 6%?
- (iii) Berikan penjelasan anda untuk bahagian (b).

[7 markah]

(c) Bincangkan tiga faktor yang menentukan nilai ekonomi atau nilai intrinsik sesuatu asset?

[3 markah]

Soalan 2

(a) Kamu mempunyai portfolio yang merangkumi saham-saham di bawah:

Saham	Peratusan portfolio	Beta	Pulangan Dijangka
1	10%	1.00	12%
2	25	0.75	11
3	15	1.30	15
4	30	0.60	9
5	20	1.20	14

[ATW261]

Kadar bebas risiko ialah 8 peratus dan pulangan dijangka untuk portfolio pasaran ialah 11.6 peratus.

- (i) Kirakan kadar pulangan dijangka bagi portfolio anda.
- (ii) Kirakan beta bagi portfolio anda.
- (iii) Dengan maklumat yang di beri, lakarkan garisan pasaran sekuriti dan plotkan saham dari portfolio anda di atas garisan ini.
- (iv) Daripada lakaran anda di bahagian (c), saham manakah yang menang dan kalah? Terangkan jawapan anda.

[20 markah]

Soalan 3

- (a) Puan Lim bercadang untuk bersara pada hujung tahun ini. Syarikat di mana Puan Lim bekerja menawarkan untuk membayar sejumlah wang persaraan bernilai RM50,000 atau RM6,000 setahun sepanjang persaraannya. Dia dikehendaki memilih satu tawaran sahaja. Puan Lim mempunyai tahap kesihatan yang baik dan diramalkan hidup selama 15 tahun lagi. Tawaran yang manakah yang harus dipilih oleh Puan Lim dengan mengandaikan kadar faedah sebanyak 8% setahun.

[10 markah]

- (b) Pendapatan sesaham Syarikat Hazel ialah RM4.30 dan jualan sebanyak RM9juta. Jika Syarikat Hazel mempunyai tahap leveraj operasi 4.0 dan tahap leveraj kewangan 5.2, ramalkan pendapatan sesahamnya jika perbelanjaan firma dijangka menurun sebanyak 4%?

[5 markah]

- (c) Apakah perhubungan antara pembuatan keputusan pembiayaan dengan pulangan dan risiko? Adakah semua pengurus kewangan melihat pendekatan penggantian risiko dan pulangan adalah sama.

[5 markah]

Soalan 4

- (a) Bezakan antara pembiayaan dalaman ekuiti biasa dengan terbitan baru ekuiti biasa.
 - (i) Manakah yang lebih memerlukan perbelanjaan yang besar? Mengapa?
 - (ii) Berikan dua pendekatan yang digunakan untuk mengira kos ekuiti biasa?

[10 markah]

- (b) Crypton Electronics mempunyai struktur modal mengandungi 40 peratus saham biasa dan 60 peratus hutang. Terbitan hutangnya mempunyai RM1,000 nilai par, 6 peratus faedah yang dibayar tahunan, matang dalam tempoh 15 tahun dan akan dijual pada harga RM975. Kos apungan untuk hutang ini ialah RM15 untuk setiap bon. Saham biasa syarikat ini dijual pada harga semasa sebanyak RM30 sesaham. Syarikat ini dijangka membayar dividen sebanyak RM2.25 untuk tahun hadapan. Kadar pertumbuhan dividen ialah sebanyak 5 peratus setahun dan akan bertumbuh untuk kadar yang sama untuk selama-lamanya. Kos apungan untuk terbitan saham biasa ialah 5 peratus daripada harga pasaran. Apakah kos modal untuk Crypton Electronics di mana kadar cukainya ialah 30 peratus.

[10 markah]

Soalan 5

- (a) Gabra Corporation sedang mempertimbangkan dua projek yang saling menyingkir, di mana kedua-dua projek ini memerlukan perbelanjaan permulaan sebanyak RM100,000. Setiap projek mempunyai jangka hayat selama 5 tahun. Jadual di bawah menunjukkan aliran tunai dan taburan kebarangkalian untuk setiap projek.

Projek A		Projek B	
Kebarangkalian	aliran tunai	Kebarangkalian	aliran tunai
.10	RM35,000	.10	RM10,000
.40	40,000	.20	30,000
.40	45,000	.40	45,000
.10	50,000	.20	60,000
		.10	80,000

Kadar pulangan perlu untuk projek A ialah 12 peratus dan projek B ialah 13 peratus.

- (i) Tentukan nilai kini bersih untuk kedua-dua projek.
(ii) Projek manakah yang akan dipilih? Mengapa?
(iii) Apakah faktor-faktor yang akan dipertimbangkan dalam memilih antara kedua-dua projek A dan B?

[10 markah]

- (b) Bezakan antara risiko perniagaan dan risiko kewangan. Apakah yang menyebabkan timbulnya risiko-risiko tersebut?

[5 markah]

[ATW261]

- (c) Beri contoh kos agensi yang akan ditanggung oleh pemegang saham dalam perhubungan agensi antara pemegang saham (pemilik) dan pihak pengurusan syarikat? Dan terangkan bagaimana masalah ini boleh diatasi.

[5 markah]

Soalan 6

- (a) Bincangkan fungsi atau kebaikan yang diberikan oleh bank pelaburan kepada firma yang menerbitkan saham.

[5 markah]

- (b) Bagaimana pasaran wang dan pasaran modal berbeza. Jelaskan jawapan anda.

[5 markah]

- (c) Dalam kaedah Modigliani dan Miller (MM), apakah peranan yang dimainkan oleh polisi dividen dalam menentukan nilai saham.

[5 markah]

- (d) Bincangkan perbezaan antara hutang jangka pendek bercagar dan tidak bercagar.

[5 markah]